

---

**BAB 10    TRANSAKSI****BAHAGIAN A – AM****10.01    Pengenalan**

Bab ini memperuntukkan mengenai kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi berkenaan dengan transaksi yang dilakukan oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya.

**BAHAGIAN B – TAKRIF****10.02    Takrif**

Bagi maksud Bab ini, melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain -

- (a)    "**perolehan atau pelupusan aset**" termasuk opsyen untuk memperoleh atau melupuskan aset;
- (b)    "**aset**" ertinya semua jenis aset termasuk sekuriti, dan aku janji perniagaan;
- (c)    "**pengarah**" mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2 (1) CMSA dan merangkumi mana-mana orang yang sedang atau telah dalam tempoh 6 bulan sebelumnya dari tarikh pada mana terma transaksi itu telah dipersetujui -
  - (i)    pengarah perbadanan tersenarai, subsidiari atau syarikat pemegangannya; atau
  - (ii)    ketua eksekutif dari perbadanan tersenarai, subsidiari atau syarikat pemegangannya;
- (d)    "**bantuan kewangan**" merangkumi -
  - (i)    pinjaman atau pendahuluan wang;
  - (ii)    menjamin, mengganti rugi atau memberikan kolateral untuk hutang; atau
  - (iii)    memaafkan hutang, melepaskan atau mengabaikan untuk menguatkuasakan kewajipan kewangan dari yang lain, atau mengambil kewajipan kewangan dari yang lain;
- (e)    "**usaha sama**" ertinya satu pengaturan kontrak antara 2 pihak atau lebih untuk menjalankan projek perniagaan tertentu yang tertakluk kepada kawalan bersama di mana kedua pihak memenuhi kos projek dan menerima satu bahagian dari apa-apa hasil pengeluaran;
- (eA)    "**Pelupusan Besar**" ertinya pelupusan semua atau sebahagian besar aset perbadanan tersenarai yang boleh mengakibatkan perbadanan tersenarai tidak lagi sesuai untuk terus disenaraikan dalam Senarai Rasmi;
- (f)    "**pemegang syer utama**" merangkumi mana-mana orang yang berada atau telah berada dalam 6 bulan sebelumnya dari tarikh di mana terma transaksi dipersetujui, pemegang syer utama perbadanan tersenarai seperti yang ditakrifkan di bawah Kaedah 1.01 atau perbadanan lain yang merupakan subsidiari atau syarikat pemegangannya;

- (g) **"nisbah peratusan"** ertinya angka, dinyatakan sebagai peratusan, yang dihasilkan dari setiap pengiraan berikut:
- (i) nilai aset yang menjadi perkara subjek transaksi, berbanding dengan aset bersih perbadanan tersenarai itu;
  - (ii) keuntungan bersih aset yang menjadi perkara subjek transaksi, berbanding dengan keuntungan bersih yang dapat diagihkan kepada pemilik perbadanan tersenarai (sebelum pendapatan atau kerugian komprehensif lain);
  - (iii) nilai agregat balasan yang diberikan atau diterima berhubung dengan transaksi, berbanding dengan aset bersih perbadanan tersenarai;
  - (iv) bilangan syer yang diterbitkan oleh perbadanan tersenarai sebagai balasan bagi perolehan, berbanding dengan jumlah syer yang diterbitkan sebelumnya (tidak termasuk syer perbendaharaan);
  - (v) nilai agregat balasan yang diberikan atau diterima berhubung transaksi, berbanding dengan nilai pasaran semua syer biasa perbadanan tersenarai (tidak termasuk syer perbendaharaan);
  - (vi) jumlah aset yang menjadi perkara subjek transaksi berbanding dengan jumlah aset perbadanan tersenarai;
  - (vii) berkenaan dengan usaha sama, transaksi perniagaan atau pengaturan, jumlah kos projek yang dapat diagihkan kepada perbadanan tersenarai berbanding dengan jumlah aset perbadanan tersenarai atau dalam hal perbadanan usaha sama diperbadankan sebagai hasil dari usaha sama, jumlah penyertaan ekuiti dari perbadanan tersenarai dalam perbadanan usaha sama (berdasarkan modal terbitan perbadanan usaha sama yang berikutan) berbanding dengan aset bersih perbadanan tersenarai. Nilai transaksi hendaklah merangkumi pinjaman dan jaminan pemegang syer yang akan diberikan oleh perbadanan tersenarai; atau
  - (viii) agregat kos asal pelaburan perkara subjek dari transaksi dibahagikan dengan aset bersih perbadanan tersenarai itu, di dalam kes pelupusan dan jika perolehan perkara subjek itu berlaku dalam tempoh 5 tahun yang lepas;
- (h) **"Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan"** ertinya transaksi pihak yang berkaitan yang berulang, bersifat pendapatan atau perdagangan dan yang diperlukan untuk operasi hari-ke-hari perbadanan tersenarai atau subsidiarinya;
- (i) **"transaksi pihak yang berkaitan"** ertinya transaksi yang dibuat oleh perbadanan tersenarai itu atau subsidiarinya yang melibatkan kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, pihak yang berkaitan;
- (j) **"transaksi"**, berhubung -
- (i) Bahagian D Bab ini, ertinya perolehan atau pelupusan aset oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya dan termasuk salah satu tindakan berikut yang dilaksanakan oleh perbadanan tersenarai:
    - (aa) melupuskan; atau

- 
- (bb) memberi, menerima, menjalankan atau melaksanakan opsi atau hak atau kewajiban lain, masa ini atau masa hadapan, bersyarat atau tanpa syarat, untuk melupuskan, hak pembangunan perbadanan tersenarai, semua atau sebahagian besar hak, manfaat, atau kawalannya dalam aset, tetapi tidak termasuk transaksi bersifat pendapatan dalam perjalanan biasa perniagaan;
  - (ii) Bahagian E Bab ini, merangkumi -
    - (aa) perolehan, pelupusan atau pemajakan aset;
    - (bb) pewujudan usaha sama;
    - (cc) penyediaan bantuan kewangan;
    - (dd) penyediaan atau penerimaan perkhidmatan; atau
    - (ee) sebarang transaksi atau perkiraan perniagaan yang dilakukan, oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya; dan
  - (iii) Bahagian D dan E Bab ini, tidak termasuk transaksi yang dilakukan antara perbadanan tersenarai (atau mana-mana subsidiari milik penuhnya) dan subsidiarinya yang milik penuhnya;
  - (k) "**nilai balasan**" merangkumi apa-apa liabiliti yang akan ditanggung; dan
  - (l) "**transaksi amat substansial**" ertinya pelupusan atau perolehan aset jika mana-mana nisbah peratusan adalah 100% atau lebih, kecuali perolehan yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai.

## BAHAGIAN C – PENILAIAN DAN MAKLUMAT

### 10.03 Asas penilaian

- (1) Bagi tujuan menentukan nilai aset yang disebut dalam Kaedah 10.02 (g) (i), perkara berikut terpakai:
    - (a) di dalam suatu perolehan kepentingan ekuiti di dalam sebuah perbadanan yang tidak akan mengakibatkan kepentingan ekuiti tersebut diambil kira menggunakan kaedah ekuiti, nilai itu akan ditaksir dengan merujuk kepada kos pelaburan;
    - (b) di dalam suatu perolehan kepentingan ekuiti dalam perbadanan yang akan mengakibatkan -
      - (i) kepentingan ekuiti tersebut diambil kira menggunakan kaedah ekuiti; atau
      - (ii) perbadanan tersebut disatukan ke dalam penyata kewangan kumpulan ("**penyatuan**")
- nilai tersebut akan ditaksir dengan merujuk kepada nilai buku dari aset bersih yang diwakili oleh kepentingan ekuiti tersebut;

- 
- (c) dalam pelupusan kepentingan ekuiti dalam sebuah perbadanan di mana sebelum pelupusan kepentingan ekuiti tersebut telah tidak diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti, nilainya akan ditaksir dengan merujuk kepada kos semasa pelaburan;
- (d) dalam pelupusan kepentingan ekuiti di dalam sebuah perbadanan di mana sebelum pelupusan -
- (i) kepentingan ekuiti tersebut diakaunkan dengan menggunakan kaedah ekuiti; atau
  - (ii) perbadanan tersebut telah dimasukkan dalam penyatuan;
- nilai tersebut akan ditaksir dengan merujuk kepada nilai buku aset bersih yang diwakili oleh kepentingan ekuiti tersebut; atau
- (e) di dalam sebarang perolehan aset selain kepentingan ekuiti, nilai aset tersebut akan ditaksir dengan merujuk kepada balasan. Sekiranya terdapat pelupusan aset selain kepentingan ekuiti, nilai aset tersebut mesti ditaksir dengan balasan atau nilai buku bersih aset tersebut, mana yang lebih besar.
- (2) Untuk tujuan menentukan keuntungan bersih aset yang menjadi perkara subjek transaksi yang disebut dalam Kaedah 10.02 (g) (ii) berhubung -
- (a) suatu perolehan kepentingan ekuiti dalam perbadanan yang akan mengakibatkan -
- (i) kepentingan ekuiti tersebut diambil kira menggunakan kaedah ekuiti; atau
  - (ii) perbadanan tersebut dimasukkan dalam penyatuan,
- keuntungan bersih merujuk kepada keuntungan selepas cukai yang boleh diagihkan kepada pemilik perbadanan (sebelum pendapatan atau kerugian komprehensif lain) yang diwakili oleh kepentingan ekuiti tersebut yang diperolehi;
- (b) suatu pelupusan kepentingan ekuiti sebuah perbadanan di mana, sebelum pelupusan -
- (i) kepentingan ekuiti tersebut diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti; atau
  - (ii) perbadanan itu telah dimasukkan dalam penyatuan,
- keuntungan bersih merujuk kepada keuntungan selepas cukai yang boleh dikaitkan kepada pemilik perbadanan (sebelum pendapatan atau kerugian komprehensif lain) yang diwakili oleh kepentingan ekuiti yang dilupuskan;
- (c) suatu perolehan kepentingan ekuiti di dalam sebuah perbadanan yang tidak akan mengakibatkan kepentingan ekuiti tersebut diambil kira menggunakan kaedah ekuiti, keuntungan bersih akan ditaksir dengan merujuk kepada pendapatan dividen yang diperolehi daripada pelaburan tersebut berdasarkan tahun kewangan terakhir perbadanan; dan
- (d) suatu pelupusan kepentingan ekuiti perbadanan di mana, sebelum pelupusan, kepentingan ekuiti tersebut tidak diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti, keuntungan bersih boleh ditaksir dengan merujuk kepada pendapatan dividen yang diperolehi daripada pelaburan tersebut berdasarkan tahun akhir kewangan yang lepas perbadanan itu.

- 
- (3) Nilai pasaran syer yang diterbitkan perbadanan itu akan ditentukan sebagai harga pasaran purata berwajaran bagi syer yang diterbitkan bagi 5 hari pasaran sebelum tarikh di mana terma transaksi itu dipersetujui.
- (4) Untuk tujuan pengiraan penunjuk kematanan (termasuk nisbah peratusan) dalam Bab ini, perkara berikut terpakai:
- (a) angka yang digunakan mestilah, dalam kes jumlah aset, aset bersih, nilai buku bersih aset dan keuntungan bersih, adalah angka yang ditunjukkan dalam penyata kewangan teraudit terkini yang diterbitkan atau diumumkan perbadanan tersenarai atau penyata kewangan disatukan teraudit dari perbadanan tersenarai, jika perbadanan tersenarai mempunyai subsidiari;
  - (b) jumlah aset, aset bersih dan nilai buku bersih aset boleh diselaraskan untuk mengambil kira transaksi berikutan yang diselesaikan yang mana maklumatnya yang mencukupi telah dikeluarkan kepada pemegang syer dan di mana penyesuaiannya telah disemak oleh juruaudit luar perbadanan tersenarai dan salinannya laporan semakan juruaudit luar dikemukakan kepada Bursa;
  - (c) perbadanan tersenarai itu boleh menggunakan jumlah aset, aset bersih, nilai buku bersih aset termasuk dalam penyata kedudukan kewangan di dalam laporan kewangan interim terkini yang disiarkan atau diumumkan dengan syarat bahawa laporan itu telah disemak oleh juruaudit luar perbadanan tersenarai dan satu salinan laporan semakan juruaudit luar dikemukakan kepada Bursa;
  - (d) perbadanan tersenarai boleh menggunakan keuntungan bersih berdasarkan keputusan 12 bulan yang tidak diaudit dengan syarat keputusan itu telah disemak oleh juruaudit luar perbadanan tersenarai dan salinan laporan semakan juruaudit luar dikemukakan kepada Bursa; dan
  - (e) angka yang digunakan mesti, dalam kes kos pelaburan atau kos semasa pelaburan yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas, berdasarkan pada -
    - (i) penyata kewangan teraudit yang terkini yang diterbitkan atau diumumkan dari perbadanan tersenarai atau penyata kewangan teraudit disatukan dari perbadanan tersenarai, jika perbadanan tersenarai mempunyai subsidiari; atau
    - (ii) laporan kewangan interim terkini yang diterbitkan atau diumumkan dari perbadanan tersenarai dengan syarat bahawa laporan tersebut telah disemak oleh juruaudit luar perbadanan tersenarai dan salinan laporan semakan juruaudit luar dikemukakan kepada Bursa.
- (5) Di dalam kes perolehan atau pelupusan dengan pemberian atau pelaksanaan opsiyen, balasan untuk perolehan atau pelupusan adalah jumlah harga terbitan opsiyen dan harga pelaksanaannya.
- (6) Sekiranya balasan ditangguhkan adalah atau mungkin dibayar atau diterima oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya di masa hadapan, balasan yang boleh diambil kira adalah jumlah balasan maksimum yang perlu dibayar atau diterima di bawah transaksi itu.
- (7) Dalam keadaan jika mana-mana nisbah peratusan menghasilkan keputusan yang janggal atau di mana nisbah peratusan adalah tidak sesuai dengan bidang aktiviti perbadanan tersenarai, atau atas sebab-sebab lain yang difikirkan sesuai oleh Bursa, Bursa boleh -

- 
- (a) abaikan keputusan atau nisbah peratusan; dan/atau
  - (b) ganti atau gunakan petunjuk ukuran lain yang berkaitan.
- (8) Pengiraan yang dinyatakan dalam Subkaedah 10.02 (g)(v) hanya terpakai berkenaan dengan -
- (a) transaksi yang melibatkan balasan dalam bentuk syer ekuiti tersenarai; atau
  - (b) transaksi di mana semua nisbah peratusan lain menghasilkan keputusan yang janggal atau adalah tidak boleh dipakai.
- (9) Berhubung apa-apa perolehan atau pelupusan kepentingan ekuiti dalam perbadanan, pengiraan yang dinyatakan dalam Subkaedah 10.02 (g) (vi) hanya terpakai jika -
- (a) perolehan tersebut akan mengakibatkan perbadanan tersebut dimasukkan dalam penyatuan; atau
  - (b) sebelum pelupusan, perbadanan tersebut telah dimasukkan dalam penyatuan.
- (10) Bagi maksud Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain, kata atau ungkapan berikut mempunyai erti yang diberikan di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia:
- (a) kaedah ekuiti;
  - (b) kos semasa; dan
  - (c) penyatuan.

#### 10.04 Penilaian

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa penilaian dilakukan jika -
- (a) transaksi melibatkan perolehan atau pelupusan harta tanah atau perbadanan yang memiliki harta tanah; dan
  - (b) mana-mana satu daripada nisbah peratusan transaksi adalah -
    - (i) 25% atau lebih, untuk transaksi yang berada di bawah Bahagian D; atau
    - (ii) 5% atau lebih, untuk transaksi pihak yang berkaitan yang termasuk di bawah Bahagian E.
- (2) Bagi maksud Subkaedah (1) di atas, penilaian diperlukan untuk perolehan atau pelupusan perbadanan yang memiliki harta tanah -
- (a) jika perbadanan itu adalah perbadanan pembangunan atau pelaburan harta tanah, penilaian mesti dilakukan ke atas semua harta tanah yang material; dan
  - (b) jika perbadanan itu bukan perbadanan pembangunan atau pelaburan harta tanah, penilaian hanya diperlukan jika harta tanah adalah untuk dinilai semula atau telah dinilai

---

semula dan jumlah yang dinilai semula digunakan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, sebagai asas dalam menentukan balasan pembelian atau pelupusan.

- (3) Jika penilaian dikehendaki di bawah Subkaedah (1) dan (2) di atas, perbadanan tersenarai mesti –
- (a) menyerahkan kepada Bursa 2 salinan laporan penilaian harta tanah berkenaan dan salinan surat aku janji jurunilai dalam bentuk Lampiran 6D dengan serta-merta selepas perbadanan tersenarai mengumumkan transaksi (jika ada) atau sebaik sahaja laporan penilaian siap. Dalam keadaan apa pun, perbadanan tersenarai mesti menyerahkan laporan penilaian bersama-sama surat aku janji jurunilai kepada Bursa sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum ia menyerahkan pekeliling draf berhubung transaksi kepada Bursa untuk diteliti; dan
  - (b) memastikan bahawa tarikh penilaian yang menjadi asas perakuan penilaian yang dimasukkan dalam pekeliling adalah tidak lebih dari 6 bulan sebelum tarikh pekeliling dikeluarkan kepada pemegang syer.
- (4) Perbadanan tersenarai dan jurunilainya mesti memastikan bahawa laporan penilaian yang diserahkan menurut Subkaedah 3 di atas mematuhi Kehendak-kehendak ini dan Garis Panduan Penilaian Aset Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- (5) Sekiranya perbadanan tersenarai atau jurunilai menyedari keadaan atau perubahan signifikan yang mempunyai atau akan memberi kesan material terhadap kandungan, kesahan atau ketepatan laporan penilaiannya sebelum tarikh pengeluaran pekeliling, jurunilai dan perbadanan tersenarai mesti menyebabkan laporan penilaian untuk dikemas kini. Sekiranya perbadanan tersenarai gagal melakukannya, jurunilai mesti menarik balik persetujuannya untuk memasukkan laporan penilaian dalam pekeliling.
- (6) Walau apa pun Subkaedah (1), (2) dan (3) di atas, Bursa boleh mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa yang difikirkannya sesuai, dengan kos ditanggung oleh perbadanan tersenarai -
- (a) mendapatkan pendapat kedua mengenai laporan penilaian yang dikemukakan oleh perbadanan tersenarai dari jurunilai lain yang dilantik oleh Bursa; atau
  - (b) menghendaki perbadanan tersenarai untuk melakukan penilaian terhadap aset yang dicadangkan untuk diperolehi atau dilupuskan berkenaan dengan apa-apa transaksi selain transaksi yang disebut dalam Subkaedah (1) dan (2) di atas.
- (7) Perbadanan tersenarai dan jurunilai mesti mematuhi petunjuk, arahan atau syarat yang dikenakan oleh Bursa dan dalam rangka masa tersebut sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa.
- (8) Bursa boleh merujuk mana-mana laporan penilaian yang diterima oleh Bursa kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk disemak. Perbadanan tersenarai dan jurunilainya mesti memberi Bursa atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dengan menepati masa, segala maklumat atau bantuan yang diperlukan yang berkaitan dengan laporan penilaian.
- (9) Bagi maksud Subkaedah (3) (a), (4), (5) dan (8) di atas, "**laporan penilaian**" termasuk perakuan penilaian.

---

**BAHAGIAN D – PEROLEHAN DAN PELUPUSAN****10.05 Kehendak untuk transaksi dengan nisbah peratusan di bawah 5%**

- (1) Tertakluk pada Kaedah 10.08 (1), jika semua nisbah peratusan transaksi adalah kurang dari 5% dan balasan diselesaikan dalam bentuk tunai atau sekuriti yang tidak disebut harga, tiada pengumuman transaksi kepada Bursa dikehendaki.
- (2) Sekiranya perbadanan tersenarai ingin mengumumkan transaksi kepada Bursa secara sukarela, perbadanan tersenarai mesti merangkumi -
  - (a) perincian balasan;
  - (b) butir-butir transaksi; dan
  - (c) pernyataan bahawa pengarah, pemegang syer utama atau orang yang berhubungan dengan mereka tidak mempunyai kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi.
- (3) Jika balasan untuk transaksi tersebut diselesaikan secara sepenuhnya atau sebahagiannya dalam sekuriti yang mana penyenaiaan sedang diinginkan, perbadanan tersenarai itu mesti mengumumkan dengan serta merta transaksi itu selaras dengan Kaedah 10.06.

**10.06 Kehendak untuk transaksi dengan nisbah peratusan 5% atau lebih**

- (1) Jika mana-mana nisbah peratusan transaksi adalah 5% atau lebih, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan transaksi tersebut kepada Bursa secepat mungkin setelah terma transaksi dipersetujui. Perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10A di dalam pengumuman.
- (2) Perbadanan tersenarai juga mesti memberikan Bursa, dalam surat yang berasingan, nisbah peratusan yang terpakai bagi transaksi tersebut.
- (3) Subkaedah (1) dan (2) tidak terpakai kepada suatu transaksi jika nilai balasan dari transaksi adalah kurang daripada RM200,000.

**10.07 Kehendak untuk transaksi dengan nisbah peratusan 25% atau lebih**

- (1) Jika mana-mana nisbah peratusan dari transaksi adalah 25% atau lebih, sebagai tambahan kepada kehendak Kaedah 10.06, perbadanan tersenarai mesti -
  - (a) melantik Penaja atau Penasihat, dalam kes yang berkenaan, sebelum terma transaksi dipersetujui;
  - (b) menerbitkan pekeliling yang merangkumi maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10B kepada pemegang syer; dan
  - (c) mendapatkan kelulusan pemegang syer untuk transaksi itu dalam mesyuarat agung.
- (2) Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, mengikut mana-mana yang berkenaan, mestilah menyerahkan salinan pekeliling draf kepada Bursa untuk diteliti bersama-sama senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan Lampiran 10B.



- 
- (3) Subkaedah (1) dan (2) tidak terpakai bagi transaksi di mana nilai balasan transaksi adalah kurang daripada RM200,000.

## BAHAGIAN E – TRANSAKSI PIHAK YANG BERKAITAN

### 10.08 Transaksi pihak yang berkaitan

- (1) Jika mana-mana nisbah peratusan transaksi pihak yang berkaitan adalah 0.25% atau lebih, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan transaksi pihak yang berkaitan kepada Bursa secepat mungkin setelah terma transaksi dipersetujui, melainkan -
- (a) nilai balasan dari transaksi adalah kurang dari RM200,000; atau
  - (b) ia adalah Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan.
- Perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10A dan 10C dalam pengumuman.
- (2) Tertakluk kepada peruntukan Subkaedah (9) dan (10) di bawah, jika mana-mana nisbah peratusan transaksi pihak yang berkaitan adalah 5% atau lebih, sebagai tambahan kepada Subkaedah (1), perbadanan tersenarai mesti -
- (a) (i) menggunakan khidmat Penaja atau Penasihat, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
  - (ii) melantik penasihat bebas, sebelum terma dari transaksi dipersetujui;
  - (b) menghantar satu pekiling yang merangkumi maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10B dan Lampiran 10D kepada pemegang syer;
  - (c) mendapatkan kelulusan pemegang syer untuk transaksi itu di dalam mesyuarat agung.
- (3) (a) Penasihat bebas yang disebut dalam Subkaedah 2 (a) (ii) di atas mesti -
- (i) termasuk dalam takrif penasihat kewangan korporat di bawah Garis Panduan Penasihat Utama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
  - (ii) sekiranya dilantik semasa Tempoh Tajaan, merupakan seorang selain dari Penaja perbadanan tersenarai itu.
- (b) Penasihat bebas mesti, berhubung transaksi itu-
- (i) mengulas tentang -
    - (aa) sama ada transaksi yang adalah adil dan munasabah menurut pemegang syer berkenaan; dan
    - (bb) sama ada transaksi itu menjejaskan kepentingan pemegang syer minoriti; dan

- 
- pendapat tersebut mesti menyatakan sebab-sebab, andaian utama yang dibuat dan faktor yang dipertimbangkan dalam membentuk pendapat tersebut;
- (ii) menasihati pemegang syer minoriti sama ada mereka perlu mengundi memihak kepada transaksi; dan
  - (iii) mengambil semua langkah yang wajar untuk memastikan bahawa ia mempunyai asas yang wajar untuk membuat ulasan dan nasihat dalam Subkaedah (i) dan (ii) di atas.
- (4) Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Penaja atau Penasihat yang disebut dalam Subkaedah 2(a) (i) di atas untuk -
- (a) menasihati perbadanan tersenarai sama ada transaksi itu dijalankan atas terma dan syarat yang adil dan munasabah, dan tidak menjejaskan pemegang syer minoriti dari perbadanan tersenarai itu;
  - (aA) memastikan bahawa transaksi tersebut mematuhi undang-undang, peraturan atau panduan yang berkaitan, jika berkenaan;
  - (b) memastikan penzahiran penuh semua maklumat yang perlu dizahirkan dalam pengumuman dan pekeliling;
  - (c) menyerahkan salinan pekeliling draf kepada Bursa untuk penelitian bersama-sama senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan Lampiran 10B dan Lampiran 10D; dan
  - (d) mengesahkan kepada Bursa selepas transaksi itu telah selesai dan semua kelulusan yang diperlukan telah diperolehi, bahawa ia telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan penjagaan yang wajar berkenaan dengan transaksi itu.
- (5) Bursa mempunyai budi bicara untuk tidak membenarkan penasihat bebas terus bertindak atau dilantik sebagai penasihat bebas jika, menurut pendapatnya, penasihat dianggap tidak bebas.
- (6) Pengarah dengan apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung ("**pengarah berkepentingan**") mesti menarik diri dari perbincangan lembaga dan mengundi pada ketetapan yang berkaitan dengan transaksi pihak yang berkaitan.
- (7) Di dalam suatu mesyuarat untuk mendapatkan kelulusan pemegang syer -
- (a) pihak yang berkaitan dengan apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung ("**pihak yang berkaitan berkepentingan**") mesti tidak mengundi pada ketetapan berkenaan dengan transaksi pihak yang berkaitan;
  - (b) pihak yang berkaitan berkepentingan yang merupakan pengarah atau pemegang syer utama perlu memastikan bahawa orang-orang yang berhubungan dengannya tidak mengundi pada ketetapan berkenaan dengan transaksi pihak yang berkaitan; dan
  - (c) jika pihak yang berkaitan berkepentingan adalah orang yang berhubungan dengan pengarah atau pemegang syer utama, pengarah atau pemegang syer utama itu tidak boleh mengundi pada ketetapan berkenaan dengan transaksi pihak yang berkaitan.
- (7A) [Dipotong]

- 
- (8) Pengarah berkepentingan untuk transaksi pihak yang berkaitan, mestilah memaklumkan kepada lembaga pengarah perbadanan tersenarai itu atau subsidiarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, butir-butir mengenai jenis dan sejauh mana kepentingannya, termasuk semua perkara berhubung transaksi yang dicadangkan yang dia sedar atau seharusnya sedar secara munasabah yang tidak di dalam kepentingan yang terbaik perbadanan tersenarai itu atau subsidiarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (9) Jika mana-mana nisbah peratusan transaksi pihak berkaitan yang dilakukan antara subsidiari perbadanan tersenarai dan orang lain, adalah 5% atau lebih dan tidak terdapat hubungan berkepentingan lain kecuali untuk pihak berkaitan yang mempunyai kepentingan dalam transaksi yang -
- (a) pengarah atau pemegang syer utama subsidiari tersebut atau syarikat pemegang subsidiari tersebut (selain perbadanan tersenarai atau syarikat pemegang perbadanan tersenarai) ("**pengarah tersebut**" atau "**pemegang syer utama tersebut**"); atau
- (b) orang yang berhubungan dengan pengarah atau pemegang syer utama tersebut;
- perbadanan tersenarai itu dikecualikan dari -
- (i) melantik penasihat bebas atau melibatkan perkhidmatan Penaja atau Penasihat;
- (ii) mengeluarkan pekililing kepada pemegang syer;
- (iii) mendapat kelulusan pemegang syer bagi transaksi di dalam mesyuarat agung,
- dengan syarat bahawa lembaga pengarah perbadanan tersenarai itu -
- (aa) meluluskan transaksi sebelum terma transaksi dipersetujui; dan
- (bb) memastikan bahawa transaksi itu adil dan munasabah kepada perbadanan tersenarai, dan adalah demi kepentingan terbaik perbadanan tersenarai.
- (10) Subkaedah (2), (3), (4) dan (9) tidak terpakai kepada transaksi pihak yang berkaitan di mana nilai balasan transaksi adalah kurang daripada RM200,000.
- (11) Transaksi berikut biasanya tidak dianggap sebagai transaksi pihak yang berkaitan:
- (a) terbitan sekuriti oleh perbadanan tersenarai secara tunai (tertakluk kepada Kaedah 6.07), terbitan sekuriti melalui terbitan bonus, pemberian opsiyen dan terbitan sekuriti yang timbul daripada pelaksanaan opsiyen di bawah Skim Terbitan Syer (tertakluk kepada pematuhan Bab 6), pelanggan sekuriti secara pro rata, pembahagian kecil syer, penyatuan syer atau pembayaran dividen;
- (b) [dipotong]
- (c) transaksi antara perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya dan orang lain, di mana tidak ada hubungan berkepentingan lain kecuali untuk penjawatan pengarah yang sama dengan syarat bahawa pengarah yang mempunyai penjawatan pengarah yang sama mempunyai -
- (i) pemegang syer dalam orang lain tersebut adalah kurang daripada 5% selain daripada melalui perbadanan tersenarai itu; dan

- (ii) tiada kepentingan lain seperti komisen atau jenis manfaat lain yang diterima dari perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya atau orang lain itu berhubung transaksi tersebut;
- (d) perolehan atau pelupusan oleh perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya dari atau kepada pihak ketiga yang berkepentingan dalam perbadanan lain di mana pihak yang berkaitan memegang kurang daripada 10% dalam perbadanan lain itu selain daripada melalui perbadanan tersenarai;
- (e) pemberian atau penerimaan bantuan atau perkhidmatan kewangan, atas terma komersial biasa dan dalam perjalanan biasa perniagaan, dari perbadanan yang menjalankan aktiviti yang dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan perbankan, syarikat kewangan atau insurans dan tertakluk kepada pengawasan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa kawal selia asing yang setara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bursa;
- (f) yuran dan saraan, dan saraan pekerjaan;
- (g) transaksi antara perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiari dan orang lain untuk pemberian atau penerimaan barang-barang atau perkhidmatan yang merupakan Transaksi Dikecualikan jika-
  - (i) barang atau perkhidmatan dibeli, dijual atau diberikan berdasarkan harga atau kadar tetap tidak boleh runding yang diterbitkan atau disebut harga secara terbuka; dan
  - (ii) semua terma penting termasuk harga atau caj dikenakan secara konsisten untuk semua pelanggan atau kelas pelanggan.

Bagi maksud Subkaedah ini -

- (i) "**barang-barang**" tidak termasuk sekuriti;
- (ii) "**kelas pelanggan**" tidak termasuk kelas dengan alasan semata-mata atau secara lainnya bahawa pelanggan adalah pihak adalah pihak yang berkaitan perbadanan tersenarai atau subsidiarinya;
- (iii) "**Transaksi Dikecualikan**" ertinya perkara berikut:
  - (aa) peruntukan atau penggunaan perkhidmatan utiliti awam seperti air, elektrik, telekomunikasi, perkhidmatan penyiaran, perkhidmatan pos atau kurier, insurans, unit amanah, perkhidmatan broker syer, pengangkutan awam, pendidikan, perubatan, peruntukan atau penggunaan lebuhraya bertol, kemudahan hotel dan rekreasi perkhidmatan, peruntukan atau penggunaan bahan api pada runcit atau makanan dan minuman di kedai-kedai makan, peruntukan atau pembelian barang-barang di kedai-kedai runcit seperti pasar raya, pasar raya besar atau gedung pakaian;
  - (bb) jenis transaksi lain sedemikian yang boleh ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa;

- 
- (h) pemeteraian atau pembaharuan penyewaan harta tanah tidak lebih dari 3 tahun, yang termanya disokong oleh penilaian bebas;
- (i) kontrak yang dianugerahkan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri kepada perbadanan tersenarai atau subsidiarinya dengan syarat bahawa perbadanan tersenarai itu mengumumkan dengan serta merta kontrak itu kepada Bursa dan merangkumi maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10A dan 10C dalam pengumuman;
- (j) kontrak yang dianugerahkan melalui tender awam -
- (i) berhubung pemberi anugerah tersenarai itu atau subsidiarinya dengan syarat bahawa perbadanan tersenarai itu mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa terma kontrak yang dianugerahkan, nilai dari sekurang-kurangnya 3 bidaan paling dekat atau jika tidak berkenaan, bilangan bidaan yang lebih kecil yang diterima, dan suatu penjelasan mengenai asas dalam memilih bidaan yang menang; dan
- (ii) berhubung pembida tersenarai yang berjaya atau subsidiarinya dengan syarat bahawa -
- (aa) Pemberi anugerah adalah tersenarai atau merupakan subsidiari perbadanan tersenarai;
- (bb) majoriti pengarah dan anggota jawatankuasa audit perbadanan tersenarai (sama ada sebagai pembida atau pemberi anugerah atau syarikat induk pembida atau subsidiari pemberi anugerah) adalah berbeza; dan
- (cc) pembida tersenarai mengumumkan dengan serta merta kontrak kepada Bursa dan merangkumi maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10A dan 10C dalam pengumuman;
- (k) transaksi antara perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiari dan orang lain yang melibatkan perkongsian perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh satu atau lebih pihak itu atau peraturan yang serupa di mana balasan semata-mata melibatkan pembayaran balik atau perkongsian kos mengikut kadar penggunaan perkhidmatan atau kemudahan;
- (l) transaksi antara perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya dan orang lain di mana tidak ada hubungan berkepentingan lain kecuali untuk pihak yang berkaitan yang mempunyai pemegangan syer pada orang lain itu kurang daripada 10% selain daripada melalui perbadanan tersenarai;
- (m) transaksi antara perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya dan orang lain di mana tidak ada hubungan berkepentingan lain kecuali untuk -
- (i) pemegang syer utama yang sama; atau
- (ii) orang yang berkaitan dengan pemegang syer utama merupakan pemegang syer utama orang lain itu,

dengan syarat perkara berikut dipenuhi:

- 
- (aa) pemegang syer utama dan/ atau orang yang berkaitan dengan pemegang syer utama adalah / bukan pemegang syer terbesar perbadanan tersenarai;
- (bb) pemegang syer utama dan / atau orang yang berkaitan dengan pemegang syer utama adalah / bukan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut, pemula, ejen atau terlibat dengan cara lain dalam transaksi tersebut;
- (cc) and pemegang syer utama tidak mempunyai wakil dalam kapasiti eksekutif di lembaga pengarah perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya; dan
- (dd) pemegang syer utama adalah -
- (A) institusi berkanun yang menguruskan dana milik awam;
  - (B) dana tertutup, unit amanah atau dana pelaburan (tetapi tidak termasuk perbadanan pemegangan pelaburan); atau
  - (C) sebuah syarikat insurans yang aktivitiya dikawal selia oleh undang-undang bertulis yang berkaitan dengan insurans dan tertakluk kepada pengawasan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa asing yang setara yang difikirkan sesuai oleh Bursa, dan syarikat insurans tersebut menguruskan dana insuransnya (bersama-sama dana pemegang syer atau sebaliknya). Bagi maksud Subkaedah ini, "**dana insurans**" mempunyai erti yang diberi untuk seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
- (n) transaksi antara perbadanan tersenarai dan orang lain di mana tidak ada hubungan berkepentingan lain kecuali untuk pihak yang berkaitan yang merupakan pengarah atau pemegang syer utama subsidiari perbadanan tersenarai atau orang yang berkaitan dengan pengarah tersebut atau pemegang syer utama yang mempunyai kepentingan dalam transaksi ;
- (o) transaksi antara subsidiari perbadanan tersenarai ("**subsidiari bertransaksi**") dan orang lain di mana tidak ada hubungan berkepentingan lain kecuali untuk pihak yang berkaitan yang merupakan pengarah atau pemegang syer utama subsidiari perbadanan tersenarai (selain subsidiari bertransaksi atau syarikat pemegangan subsidiari bertransaksi) atau seseorang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer utama yang mempunyai kepentingan di dalam transaksi;
- (p) langganan kepada atau perolehan oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya tidak disenaraikan di mana-mana bursa syer, sekuriti hutang dan / atau syer keutamaan boleh tebus yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa kawal selia asing yang setara sebagaimana difikirkan Bursa sesuai; atau
- (q) pelupusan oleh perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya yang mempunyai kepentingan dalam perbadanan pelaburan di mana pihak yang berkaitan juga merupakan pemegang syer utama atau orang yang berkaitan dengan pemegang syer utama perbadanan penerima pelaburan (selain daripada perbadanan tersenarai), dengan syarat bahawa -
- (i) pihak yang berkaitan, orang yang berhubung dengan pihak yang berkaitan atau kedua-duanya, bukan pihak, pemula atau ejen pelupusan tersebut; dan

- (ii) pelupusan dilakukan di Bursa di mana identiti rakan niaga tidak diketahui oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya (mengikut mana-mana yang berkenaan) pada masa pelupusan.

Untuk tujuan Subkaedah (q) ini, "**pelupusan**" merangkumi pelupusan oleh perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya suatu kepentingan dalam perbadanan penerima pelaburan secara pro-rata atau berikutan dari penerimaan tawaran pengambilalihan, kecuali Subkaedah (q) (ii) di atas tidak terpakai dalam keadaan sedemikian.

#### 10.09 Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan

- (1) Walau apa pun Kaedah 10.08 (1) (b) di atas, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan seperti berikut:
  - (a) berhubung perbadanan tersenarai dengan modal syer RM60 juta dan ke atas -
    - (i) balasan, nilai aset, perbelanjaan modal atau kos Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan adalah RM1 juta atau lebih; atau
    - (ii) nisbah peratusan Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan tersebut adalah 1% atau lebih,  
mana yang lebih tinggi; atau
  - (b) berhubung perbadanan tersenarai dengan modal syer kurang daripada RM60 juta -
    - (i) balasan, nilai aset, perbelanjaan modal atau kos Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan adalah RM1 juta atau lebih; atau
    - (ii) nisbah peratusan Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan tersebut adalah 1% atau  
lebih, mana yang lebih rendah.
- (2) Perbadanan tersenarai boleh meminta mandat dari pemegang syernya untuk Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan yang tertakluk kepada perkara berikut:
  - (a) transaksi adalah dalam urusan perniagaan biasa dan pada terma tidak lebih menguntungkan pihak yang berkaitan daripada yang umumnya tersedia untuk orang ramai;
  - (b) mandat pemegang syer tertakluk kepada pembaharuan tahunan dan penzahiran dibuat dalam laporan tahunan mengenai nilai agregat transaksi yang dilakukan berdasarkan mandat pemegang syer pada tahun kewangan di mana nilai agregat sama atau lebih daripada ambang yang ditetapkan di bawah Subkaedah ( 1) di atas;
  - (c) surat pekeliling perbadanan tersenarai kepada pemegang syer untuk mandat pemegang syer merangkumi maklumat seperti yang ditentukan oleh Bursa. Pekeliling draf mesti diserahkan kepada Bursa untuk diperiksa bersama-sama senarai semak yang menunjukkan pematuhan terhadap maklumat tersebut;

- (d) dalam mesyuarat untuk mendapatkan mandat pemegang syer, pihak yang berkaitan mesti mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Kaedah 10.08 (7) di atas; dan
- (e) Perbadanan tersenarai mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa apabila nilai sebenar Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan yang dilakukan oleh perbadanan tersenarai, melebihi nilai anggaran Transaksi Berulang Pihak Yang berkaitan yang dinyatakan dalam pekeliling sebanyak 10% atau lebih dan mesti memasukkan maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dalam pengumumannya.

*[Rujuk silang: Nota Panduan 8]*

- (3) Jika perbadanan tersenarai telah memperoleh mandat pemegang syer menurut Subkaedah (2) di atas, peruntukan Kaedah 10.08 tidak terpakai.

## **BAHAGIAN F – TRANSAKSI AMAT SUBSTANSIAL DAN PERUBAHAN YANG SIGNIFIKAN DALAM HALUAN ATAU DASAR PERNIAGAAN**

### **10.10 Transaksi yang substansial**

Jika transaksi adalah transaksi amat substansial, perbadanan tersenarai dan Penaja atau Penasihatnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, mesti memasukkan maklumat tambahan yang dinyatakan di Bahagian G Lampiran 10A dan 10B, masing-masing, dalam pengumuman transaksi itu kepada Bursa dan pekeliling yang dikeluarkan kepada pemegang syer.

### **10.11 Perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai**

- (1) Jika transaksi akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai, perbadanan tersenarai dan Penaja atau Penasihatnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, mesti merangkumi -
  - (a) dalam pengumuman transaksi kepada Bursa, maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Bahagian H Lampiran 10A; dan
  - (b) dalam pekeliling yang dikeluarkan kepada pemegang syer, maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 2A Garis Panduan Ekuiti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

## **BAHAGIAN F(A) – PELUPUSAN BESAR ASET YANG MENGAKIBATKAN PERBADANAN TERSENARAI TIDAK LAGI SESUAI UNTUK PENYENARAIAN**

### **10.11A Pelupusan Besar**

- (1) Perbadanan tersenarai yang bercadang untuk melaksanakan Pelupusan Besar mesti:
  - (a) melantik Penaja atau Penasihat, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai penasihat utama, sebelum terma Pelupusan Besar yang dipersetujui;
  - (b) melantik penasihat bebas;



- 
- (bA) memastikan penilaian yang dijalankan pada semua harta tanah penting, jika jumlah nilai buku bersih semua harta tanah perbadanan tersenarai itu menyumbang 50% atau lebih untuk jumlah aset perbadanan tersenarai berasaskan penyatuan;
  - (c) sertakan maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Bahagian I Lampiran 10A dan Lampiran 10B masing-masing, dalam pengumuman Pelupusan Besar kepada Bursa, dan pekeliling yang dikeluarkan kepada para pemegang syer; dan
  - (d) mengadakan mesyuarat agung dan mendapatkan kelulusan pemegang syer sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah syer yang diterbitkan yang dipegang oleh pemegang syer yang hadir dan mengundi sama ada secara langsung atau melalui proksi dalam mesyuarat untuk Pelupusan Besar tersebut
- (2) Penasihat utama mesti, berhubung Pelupusan Besar -
- (a) memastikan bahawa Pelupusan Besar mematuhi undang-undang, peraturan atau garis panduan yang berkaitan, jika ada; dan
  - (b) memastikan penzahiran penuh semua maklumat yang diperlukan untuk dizahirkan dalam pengumuman dan pekeliling.
- (3) (a) Penasihat bebas yang disebut dalam Subkaedah 1 (b) di atas mesti -
- (i) termasuk dalam definisi penasihat kewangan korporat di bawah Garis Panduan Penasihat Utama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
  - (ii) jika dilantik semasa Tempoh Tajaan, merupakan seorang selain Penaja perbadanan tersenarai itu.
- (b) Penasihat bebas mesti, yang berkaitan dengan Pelupusan Besar -
- (i) komen sama ada Pelupusan Besar dan cadangannya yang berkaitan (jika ada) adalah adil dan munasabah dalam hal pemegang syer berkenaan. Pendapat tersebut mesti menjelaskan alasan, andaian utama yang dibuat dan faktor yang dipertimbangkan dalam membentuk pendapat tersebut. Untuk mendapatkan pendapat tersebut, penasihat bebas boleh mematuhi peruntukan yang berkaitan dengan cadangan penasihat bebas dalam Jadual 2, Bahagian III Kaedah Pengambilalihan, Penggabungan dan Perolehan Wajib;
  - (ii) menasihati para pemegang syer mengenai apakah mereka boleh mengundi memihak kepada Pelupusan Besar dan cadangannya yang berkaitan (jika ada); dan
  - (iii) mengambil segala langkah yang munasabah bagi memastikan bahawa ia mempunyai asas yang munasabah untuk membuat komen dan nasihat dalam Subkaedah (i) dan (ii) di atas.
- (4) Jika menurut pendapat Bursa, penasihat bebas tidak bebas, Bursa boleh melarangkan penasihat bebas yang dilantik atau terus bertindak sebagai penasihat bebas.
- (5) Sekiranya penilaian perlu dilakukan ke atas semua harta tanah pentingnya menurut Subkaedah (1) (bA) di atas, perbadanan tersenarai atau jurunilainya, atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, mestilah mematuhi Kaedah 10.04 (3) kepada 10.04 (8), jika terpakai.

---

**BAHAGIAN G – KEHENDAK LAIN****10.12 Pengagregatan transaksi**

- (1) Bursa boleh mengagregat transaksi-transaksi berasingan dan memperlakukan transaksi-transaksi tersebut seolah-olah ia adalah satu transaksi jika terma transaksi tersebut telah dipersetujui dalam tempoh 12 bulan.
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan maksud Subkaedah (1) di atas transaksi yang dapat diagregatkan sesuai dengan Subkaedah tersebut merangkumi perkara berikut:
  - (a) **transaksi** yang dilakukan dengan pihak yang sama atau dengan pihak yang saling berhubung antara satu sama lain;
  - (b) **transaksi** yang melibatkan perolehan atau pelupusan sekuriti atau kepentingan dalam satu perbadanan / aset tertentu; atau
  - (c) transaksi yang melibatkan perolehan atau pelupusan pelbagai bidang tanah yang berdekatan antara satu sama lain.

*[Rujuk silang: Nota Panduan 7]*

**10.13 Kepelbagaian dalam operasi yang dijalankan oleh perbadanan tersenarai**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mendapat kelulusan pemegang syernya dalam mesyuarat agung untuk apa-apa transaksi atau urusan perniagaan yang secara munasabah dijangka akan menyebabkan sama ada -
  - (a) pengalihan 25% atau lebih aset bersih perbadanan tersenarai kepada operasi yang jauh berbeza dengan operasi yang dilakukan oleh perbadanan tersenarai; atau
  - (b) sumbangan daripada operasi tersebut sebanyak 25% atau lebih dari keuntungan bersih perbadanan tersenarai.

Dalam menilai sejauh mana kepelbagaian atau jumlah sumbangan terhadap keuntungan bersih, pertimbangan perlu diambil kira terhadap transaksi atau pinjaman yang berkaitan yang terjejas atau dimaksudkan dan mengenai liabiliti atau komitmen luar jangka.

- (2) Bagi maksud Subkaedah (1) di atas, Bursa boleh mengagregat transaksi berasingan dan memperlakukan transaksi tersebut seolah-olah satu transaksi jika terma transaksi tersebut telah dipersetujui dalam tempoh 12 bulan dan nisbah peratusan jumlah aset diperuntukkan untuk kepelbagaian adalah 25% atau lebih.

[Bab tamat]

---

**LAMPIRAN 10A****Kandungan pengumuman berhubung transaksi-transaksi**

(Kaedah 10.06(1), 10.08(1) dan 10.08(11)(i) dan (j), dan 10.11A(1)(c))

**Bahagian A**

**Maklumat am untuk dimasukkan, jika berkenaan, dalam pengumuman transaksi**

**PERINCIAN MENGENAI TRANSAKSI**

- (1) Perincian mengenai transaksi, merangkumi perkara berikut:
  - (a) tarikh terma transaksi itu dipersetujui;
  - (b) cara balasan akan dijelaskan termasuk terma apa-apa pengaturan pembayaran secara tertangguh;
  - (c) jika balasan tersebut adalah dalam bentuk syer, harga pasaran purata wajar bagi syer tersebut selama 5 hari pasaran sebelum tarikh terma transaksi dipersetujui;
  - (d) butir-butir mengenai aset yang diperoleh atau dilupuskan; dan
  - (e) penerangan mengenai perniagaan yang dijalankan.
- (2) Maklumat kewangan ke atas aset yang menjadi hal perkara transaksi, termasuk keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada aset dan aset bersih atau nilai buku bersih aset.
- (3) Dalam hal perolehan-
  - (a) jika balasan akan dipenuhi secara keseluruhan atau sebahagian melalui terbitan sekuriti perbadanan tersenarai -
    - (i) bilangan dan jenis sekuriti yang akan diterbitkan;
    - (ii) taraf sekuriti;
    - (iii) sama ada penyenaraian akan dicari untuk sekuriti itu; dan
    - (iv) harga terbitan, asas menentukan harga terbitan dan justifikasi penetapan harga sekuriti;
    - (v) [dipotong]
    - (vi) [dipotong]
  - (b) jika balasan tersebut akan dipenuhi secara keseluruhan atau sebahagian melalui pemindahan syer perbendaharaan, maklumat seperti yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran 12C (jika berkenaan);
  - (c) jika balasan pembelian akan dipenuhi dengan wang tunai, sumber pendanaan dan pecahannya;

**Lampiran 10A**  
**Kandungan pengumuman untuk transaksi**

- 
- (d) butir-butir semua liabiliti, termasuk liabiliti luar jangkaan dan jaminan yang akan diterima oleh perbadanan tersenarai, berikutan daripada transaksi; dan
  - (e) nama penjual termasuk nama pengarahnya dan pemegang syer utama bersama-sama pemegangan syer langsung dan/atau tidak langsung masing-masing, jika penjual adalah suatu perbadanan.
- (4) Dalam kes pelupusan -
- (a) jika syer atau sekuriti lain adalah bertujuan untuk membentuk sebahagian daripada balasan -
    - (i) bilangan dan jenis sekuriti yang akan diterbitkan;
    - (ii) taraf sekuriti;
    - (iiA) sama ada penyenaiaan akan dimohon untuk sekuriti itu;
    - (iii) harga terbitan, asas untuk menentukan harga terbitan dan justifikasi bagi penetapan harga sekuriti itu;
    - (iv) pernyataan sama ada sekuriti tersebut adalah untuk dijual atau disimpan;
    - (v) aktiviti utama, modal syer dan bilangan syer diterbitkan perbadanan itu di mana sekuriti dipegang atau akan dipegang; dan
    - (vi) nama pengarah dan pemegang syer utama perbadanan itu di mana sekuriti atau akan dipegang;
  - (b) kos asal pelaburan dan tarikh pelaburan itu;
  - (c) nama pembeli termasuk nama pengarahnya dan pemegang syer utama bersama-sama pemegangan syer langsung dan/atau tidak langsung masing-masing, sekiranya pembeli adalah perbadanan;
  - (d) butir-butir mengenai -
    - (i) apa-apa liabiliti, termasuk liabiliti contingen, berhubung dengan pelupusan yang kekal dengan perbadanan tersenarai itu, bersama-sama butiran dan justifikasi pengaturannya tersebut; dan
    - (ii) apa-apa jaminan yang diberikan oleh perbadanan tersenarai itu kepada pembeli atau syarikat sasaran; dan
  - (e) jika pelupusan itu dijangka mengakibatkan perbadanan tersenarai menjadi Syarikat Tunai atau Syarikat GN3, pernyataan untuk itu.

**ASAS DAN JUSTIFIKASI BAGI BALASAN**

- (5) Jumlah balasan, bersama-sama -
- (a) asas dalam menentukan balasan, selain dari berasaskan "jual beli sukarela". Sekiranya berdasarkan aset bersih, tahun aset bersih dipertimbangkan, mengukur aset bersih dan menyatakan sama ada ia berdasarkan penyata kewangan teraudit; dan
  - (b) justifikasi balasan.
- (6) Sekiranya balasan itu berdasarkan atau melibatkan jaminan keuntungan -
- (a) pernyataan sama ada jaminan keuntungan yang diberikan adalah realistik, dengan mempertimbangkan prestasi sejarah dan prospek masa hadapan syarikat atau aset yang akan diperolehi; dan
  - (b) perincian mengenai hak berbantuan perbadanan tersenarai sekiranya jaminan keuntungan tidak dipenuhi.

**RASIONAL DAN MANFAAT TRANSAKSI**

- (7) Rasional bagi transaksi itu termasuk apa-apa manfaat yang dijangka terakru kepada perbadanan tersenarai itu dari perniagaan, kewangan dan operasi.

**PENGGUNAAN HASIL**

- (8) Jika balasan jualan akan dipenuhi secara tunai, penerapan hasil penjualan dan pecahan yang dimaksudkan, termasuk jangka waktu untuk penggunaan penuh hasil.

**PROSPEK**

- (9) Prospek aset atau kepentingan yang akan diperolehi.

**RISIKO TRANSAKSI**

- (10) Risiko yang berhubung transaksi termasuk faktor risiko aset atau kepentingan yang akan diperolehi.

**KESAN TRANSAKSI**

- (11) Kesan transaksi ke atas perbadanan tersenarai, yang merangkumi kesan transaksi terhadap pendapatan sesyer, aset bersih per syer, penggearan, modal syer dan pemegangan syer langsung dan/atau tidak langsung oleh pemegang syer substansial perbadanan tersenarai, dalam bentuk jadual.
- (12) Dalam kes pelupusan, jangkaan keuntungan atau kerugian kepada kumpulan.

**KELULUSAN / KEBENARAN DIPERLUKAN**

- (13) Pernyataan sama ada transaksi ini adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang syer dan pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan bersama-sama maklumat berikut:
- (a) dalam kes kelulusan pemegang syer, nisbah peratusan tertinggi terpakai kepada transaksi menurut Kaedah 10.02 (g) Kehendak-kehendak ini; dan
  - (b) dalam kes kelulusan daripada pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan, anggaran rangka masa untuk penyerahan permohonan kepada pihak berkuasa.

**KEPENTINGAN PENGARAH, PEMEGANG SYER UTAMA DAN ORANG YANG BERKAITAN**

